

13/11/2001

Umat Islam perlu kuasai ilmu sains

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa sedih dengan nasib umat Islam sejagat yang tidak boleh berbuat apa-apa, sebaliknya cuma berupaya memprotes terhadap serangan Amerika Syarikat ke atas Afghanistan.

Perdana Menteri berkata, selagi umat Islam mundur dan tidak berilmu, selagi itulah mereka dihina serta ditindas hingga menjadi begitu lemah seperti sekarang.

"Kita harus tanya pada diri sendiri, apakah ini salah agama atau salah kita. Sejak lebih 1,000 tahun dahulu, Islam begitu berkuasa di dunia ini termasuk dari segi ilmu dan ketenteraan sehingga tiada siapa berani mengusik.

"Hari ini kita lihat bagaimana orang Islam ditindas oleh kuasa besar. Orang Yahudi boleh menembak mati orang Islam, tiada siapa menegur atau mengecam mereka," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan dan dialog bersama ulama/guru takmir masjid peringkat kebangsaan, di sini hari ini.

Dr Mahathir kemudian berdialog dengan kira-kira 2,000 guru agama, termasuk pengarah Jabatan Agama Islam Negeri yang menyertai program setengah hari anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Hadir sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig Jen (B) Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Beliau berkata, hampir saban hari umat Islam membaca berita di akhbar mengenai peperangan di Afghanistan, tetapi mereka tidak boleh berbuat apa-apa.

"Apakah umat Islam boleh mempertahankan negara cuma bersenjatakan anak panah dan berkuda atau mereka perlukan senjata canggih, roket dan kapal perang.

"Ya, kita boleh beli senjata ini tetapi kita beli daripada musuh kita. Kalau kita benar-benar nak mempertahankan diri, kita hendaklah berupaya mencipta alat canggih ini, termasuk membuat nuklear.

"Namun, semua ini memerlukan ilmu pengetahuan, sains fizik dan kimia. Kalau kita cekap, barulah kita dapat mengeluarkan senjata ini tetapi mana ada negara Islam yang mampu mengeluarkannya," katanya.

Oleh itu, kata beliau, umat Islam hendaklah juga menumpukan kepada usaha mempelajari ilmu sains.

Katanya, memang ada negara Islam yang kaya dengan minyak seperti Arab Saudi, tetapi tidak menguasai dunia dan cuma berupaya untuk merayu kepada kuasa besar menghentikan serangan dan itupun tidak dilayan.

Mengenai negara ini, Dr Mahathir berkata beliau yakin Malaysia boleh menjadi sebuah negara Islam terkuat sekiranya masyarakat Islam negara ini berpegang pada ajaran Islam yang sebenar.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, umat Islam di Malaysia perlu mempelajari ilmu-ilmu yang penting untuk membangunkan umat Islam di sini dan di tempat lain supaya tidak ada lagi penghinaan terhadap mereka.

Katanya, apa yang berlaku sekarang ialah umat Islam begitu lemah sehingga tidak mampu mempertahankan diri sendiri.

"Kalau ada usaha yang lebih, Insya-Allah kita akan dapat adakan negara Islam yang cukup kuat. Bukan hajat kita nak jadi kuasa dunia tetapi kita perlu mempunyai kekuatan tertentu untuk melindungi umat Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata, kekuatan tertentu itu akan datang jika umat Islam berpegang teguh pada ajaran Islam sebenarnya.

Beliau berharap guru agama yang bertanggungjawab memberi penerangan

mengenai ajaran Islam sebenar, akan sedar tentang tanggungjawab yang berat itu dengan mengetepikan kepentingan lain dan memberi tumpuan kepada ajaran Islam.

"Cara sedemikian dapat membentuk satu masyarakat Islam yang mulia, yang berjaya dan mampu mempertahankan diri daripada serangan musuh," katanya.

Perdana Menteri juga meminta guru agama supaya memberi didikan agama yang sebenar kepada kanak-kanak kerana ajaran yang diberikan kepada kanak-kanak cepat "lekat" kepada mereka.

Oleh itu, katanya, peranan guru adalah penting dalam membentuk moral seseorang kanak-kanak itu dalam menentukan sama ada mereka akan menjadi orang mulia atau sebaliknya pada masa depan.

(END)